

333 - 101/79

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN PEMANGKU
PERDANA MENTERI DALAM MESYUARAT ~~UMNO~~
PERWAKILAN ^{KHAS} UMNO, BAHAGIAN BALING
PADA HARI SABTU 1HB FEBRUARI, 1975
PADA JAM 10.30 PAGI.

Assalamu - alaikum — — — — —

Saudara Pengerusi,
Saudara Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kedah,
Saudara Ketua dan Ahli Jawatankuasa
UMNO Bahagian Baling,
Saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian.

~~Assalamu Alaikum Warah Matullahi
wa Barakatuh.~~

Saya merasa syukur ke Hadhrat
Allah Subhanahu wataala kerana dengan
taufik dan hidayah Nya, saya berpeluang
hadir bersama-sama dengan saudara-saudara
sekalian pada pagi ini. ~~dalam mesyuarat~~ ~~perwakilan~~
~~UMNO, Bahagian Baling.~~

Saya juga merasa syukur kerana dapat datang menjejakkan kaki bagi kali pertamanya, sungguhpun dimasa yang lepas saya telah diminta datang ke daerah Baling ini, ^{akan} ~~Akan~~ tetapi, disebabkan oleh beberapa hal, saya tidak dapat menyempurnakan kehendak saudara-saudara itu, dan dengan izin Allah saya dapat sampai kemari hari ini.

2, Sebagaimana yang telah dinyatakan sebentar tadi, mesyuarat ~~UMNO~~ ^{Khas} Perwakilan UMNO Bahagian Baling, pada hari ini, sangatlah penting kerana kita baru saja menempoh peristiwa pergolakkan, dimana anasir anti-nasional telah menimbulkan kekacauan yang berpunca di pekan ini

dan merebak di beberapa tempat dalam negara. Sungguhpun pergolakan pelajar-pelajar telah reda, namun^{demikian} kita patut mengambil pengajaran dari pengalaman itu, dan sentiasa waspada terhadap perkembangan baru.

3. Demikian juga, hari ini kita berada di persimpangan jalan yang membolehkan kita menyusun semula parti dengan cara memahami reality ditengah-tengah kita, serta membuangkan yang keruh sambil menimba yang jernih. Kita mempunyai tugas yang perlu dipikul. Saudara-saudara mempunyai kewajipan dan tanggungjawab. Kita mempunyai kelemahan, tetapi kita juga ada kekuatan, sekiranya kita bulat bersatu.

Rakyat meletakkan harapan pada kita. Dan parti kita, pada hakikatnya, adalah bertunjangkan rakyat untuk mendapat kekuatan dan tenaganya. Dalam konteks inilah, dalam suasana inilah, saya datang mengajak saudara-saudara, untuk mara bersama-sama dan maju kedepan, dengan semangat dan azam baru, memulakan phase perjuangan baru bagi bahagian ini.

Saudara-saudara sekalian,

4. Daerah Baling ini yang kedudukannya agak terpencil, tidak semena-mena muncul menjadi pusat tumpuan rakyat diseluruh negara kita, berpunca daripada apa yang disebutkan oleh anasir-anasir itu kelaparan rakyat, hatta ada yang mati kebuluran.

Dipandang sepintas lalu, peristiwa Baling ini, menarik perhatian dalam dan luar negeri, serta menimbulkan banyak perbincangan ^{berkenaan dengan nya.} ~~berkenaan~~nya. Kita sendiri turut mempersoalkan, apakah benih atau kuman yang mencetuskan peristiwa Baling itu?

5. Meskipun peristiwa kebuluran di Baling itu nyata tidak benar, tetapi untuk mencari punca yang menyebabkan Baling ini "terkenal", perlulah kita menolih ke belakang, melihat peranan dan aktiviti Kerajaan dan parti kita, khasnya di kawasan ini. Seperti yang ditegaskan oleh Tun Presiden, dalam amanatnya pada 6hb ^{Disember} ~~Januari~~ yang lalu, di Perhimpunan Khas UMNO, di Kuala Lumpur, Peristiwa Baling ini merupakan satu manifestasi dari kelemahan

parti pada peringkat Bahagian dan Negeri menyedari hakikat dan kegelisahan rakyat. Ini juga merupakan satu manifestasi bagaimana kelemahan parti itu, berpunca dari kurang persefahaman dan pergeseran didalam parti kita sendiri.

6. Sesungguhnya, hal ini amatlah mendukacitakan, kerana baru empat bulan yang lampau, parti kita yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional, telah memenangi pilihanraya umum dengan kemenangan yang belum ada tandingnya dalam sejarah negara kita. Barangkali ada yang memandang perkara ini kecil, bahkan ada yang tidak dapat memahami implikasinya. Kalau ada sesiapa yang tidak faham atau tidak mau memahami hakikat ini, mereka

patutlah ^bBelajar daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sebulan dua ini. Apa yang lebih menyedihkan ialah semasa kita sepatutnya memperkukuhkan perpaduan parti-parti dalam Barisan Nasional, seperti yang terdapat ditempat-tempat lain, di Baling ini keadaan adalah sebaliknya. Dan keadaan ini mestilah dibaiki sekarang dan seberapa segera.

Saudara-saudara sekalian,

7. Seperti yang kita sama-sama maklum, peristiwa demonstrasi disini pada 19, 20 dan 21 November dulu, bukanlah tercetus dengan sendirinya. Bahkan ada faktor-faktor lain yang menyebabkan peristiwa itu berlaku. Perpecahan sesama kita, akibat kekalahan di Bayu, dan kemerosotan

harga getah, serta hujan yang menutup mata pencarian orang-orang disini untuk beberapa hari, merupakan kesempatan besar kepada anasir-anasir anti-nasional menjalankan tipuhelah durjana mereka itu. Boleh saya katakan sekarang bahawa sejak beberapa lama, anasir-anasir ini telah menjalankan jarum mereka dengan senyap-senyap, mengexploitasi perasaan tidak puas hati rakyat, dan mendorong mereka kepada kegiatan-kegiatan anti-Kerajaan. Bahkan bukan itu saja, anasir-anasir Kominis yang bersenjata pun, telah berada dalam kawasan ini menunggu kesempatan dengan harapan rakyat yang terpadaya itu, bukan saja akan berdemonstrasi, tetapi akan bangkit bangun mencetuskan revolusi rakyat.

8. Syukur Alhamdulillah,
tipu helah kominis dan kuncu-kuncu mereka,
samada yang ada ditengah-tengah kita,
ataupun yang datang dari luar— dari
kalangan pelajar dan juga pensyarah
Universiti— telah dapat dipatahkan serta
perbuatan durjana mereka di exposekan.
Bagaimanapun, seperti saya katakan awal
tadi, semua ini adalah pengajaran bagi
kita, cobaan yang diturunkan Allah
kepada kita, untuk menguji sertakat mana
kita mampu menghadapinya dan mencari
penyelesaiannya. Inilah ujian yang pertama
bagi kita, setelah kemenangan besar bulan
Ogos lalu.

9. Saya ingin menegaskan disini bahawa ujian ini terutamanya, ialah bagi pucuk pimpinan parti kita, daripada Cawangan membawa kepada Bahagian dan terus ke peringkat Negeri. Kelemahan yang nyata dilihat daripada peristiwa ini, adalah disemua peringkat, iaitu daripada pimpinan Negeri hingga ke peringkat bawah di kampung pendalaman. Kita telah menjanjikan dalam Manifesto Barisan Nasional akan membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat. Janji inilah yang dituntut oleh rakyat daripada pimpinan mereka — tidak lain dan tidak lebih daripada itu.

10. Seperkara yang mendukacitakan saya - dan juga rakan-rakan saya - ~~bahawa~~^{ialah} 'rate of progress' ataupun proses kemajuan di Kedah ini, adalah jauh daripada memuaskan. Terutama sekali kalau dilihat dari aspek perkembangan sektor industry, masih jauh ketinggalan daripada matlamatnya. Kawasan-kawasan perindustrian seperti di Tikam Batu, di Sungei Petani bahkan di Alor Star, tidak lebih indah khabar dari rupa, meskipun sekali ~~sekali~~^{sekali} terbaca kenyataan-kenyataan bahawa industry itu dan ini, akan dimulakan. Keadaan ini tentulah tidak diinginkan kerana apa yang dikehendaki rakyat, kata-kata hendaklah dikotakan - words must match with deeds.

10A. Untuk menampung keperluan rakyat yang bertambah-tambah, kerajaan telah membuat keputusan untuk mempergiatkan rancangan pembangunan di beberapa negeri, iaitu Kelantan, Trengganu, Perlis dan Kedah dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini. Dengan cara ini, Kerajaan berharap taraf hidup rakyat dapat diperbaiki dan dimajukan, disamping berusaha membasmi kemiskinan.

Saudara-saudara sekalian,

11. Dalam mencari huraian dan penyelesaian kepada masalah-masalah kita, marilah kita renungi hakikat ini, dan bertanya kepada diri sendiri: apakah kita telah menjalankan tugas serta tanggung jawab kita sepenuhnya?

~~Saudara-saudara,~~

12. Sebagai sebuah parti yang telah lama memegang kekuasaan memerintah negara ini, pada hemat saya, UMNO telah disalah anggap oleh setengah-setengah gulungan, sebagai jentera atau alat bagi gulungan yang berjaya memegang pimpinan parti, untuk mendapatkan nikmat yang segera dalam masa mereka diberi amanah itu.

13. Bagi mengekalkan kedudukan mereka, gulongan tertentu ini, hanya memberi peluang kepada penyokong-penyokong mereka sahaja, untuk mendapatkan nikmat dan faedah pembangunan, walaupun tidak kekayaan diri mereka sendiri. Nikmat pembangunan ini dinafikan sama sekali kepada orang-orang yang tidak persefahaman dengan mereka, sekalipun orang-orang ini terdiri daripada penyokong-penyokong kuat UMNO sendiri.

14. Oleh kerana ada penentangan seperti inilah dan tindak balas oleh sebilangan kecil pemimpin-pemimpin tertentu, telah terdapat di beberapa buah negeri, dimana kegiatan-kegiatan pembangunan sengaja tidak dilaksanakan dikawasan-kawasan yang tertentu, dengan tujuan melumpuhkan semangat

orang-orang yang menentang pimpinan mereka itu. Dengan adanya tindak tanduk seperti ini, terdapatlah tidak perseimbangan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Saya memanglah memandang berat adanya perkara seperti ini berlaku, lebih-lebih lagi jika penyelewangan ini berlaku semata-mata untuk kepentingan politik segolongan kecil pemimpin yang tertentu itu sahaja.

15. Saya sukalah mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin kita, disemua peringkat, supaya mengubah sikap supaya kegiatan-kegiatan yang tidak seimbang seperti ini, tidak akan berterusan. Sekiranya penselisihan diantara ahli-ahli didalam UMNO tidak dapat diselesaikan, saya bimbang rakyat sendiri

akan hilang kepercayaan mereka terhadap UMNO, kerana mereka mudah bosan dengan parti politik yang tidak dapat memberi perkhidmatan, kerana disebabkan perselisihan faham didalam parti itu sendiri. Sebagai sifat manusia, saya akui kita mempunyai kekurangan, dan ini mendorong berlakunya perselisihan faham atas soal approach mengenai hal-hal hidup dan parti. Sekalipun demikian, saya ingin menegaskan disini bahawa pucuk pimpinan parti tidak rela bahawa perselisihan melibatkan parti. Biar pun ^{apa yang} terjadi, parti hendaklah sentiasa dipelihara, parti hendaklah sentiasa dijadikan tumpuan perpaduan dan parti hendaklah sentiasa bersih dan tidak dinodai oleh apa juga anasir yang melibatkan individu atau tokoh.

16. Saya juga sedar oleh kerana adanya perselisihan ini, maka pemimpin-pemimpin parti telah tidak dapat menumpukan masa mereka, untuk mengambil tahu masaaalah-masaaalah penduduk-penduduk tempatan dan berkhidmat kepada rakyat. Akibatnya ialah, orang-orang yang diluar parti kita mengambil kesempatan dari keadaan ini untuk menimbulkan masaaalah penghidupan rakyat pada masa itu, yang sepatutnya pemimpin-pemimpin UMNO sendiri memperjuangkannya. Ini sangatlah mendukacitakan,

17. Saya suka menegaskan disini bahawa pemimpin yang opportunist, yang mempunyai perancangan jangka pendek untuk mencapai kepentingan politik mereka sendiri, tidak mempunyai tempat dalam sebuah parti yang telah berakar umbi di negara ini. UMNO ingin wujud selama-lamanya, sebagai parti yang mendukung

cita-cita dan memperjuangkan kepentingan rakyat, dan bukan cita-cita dan kepentingan mana-mana pihak tertentu. Inilah falsafah parti kita dan inilah pegangan tiap-tiap seorang dari kita.

Saudara-saudara sekalian,

18. Mesyuarat perwakilan pada hari ini, khusus diadakan untuk memilih pegawai-pegawai baru bagi UMNO Bahagian ini, sungguhpun saya mendapat tahu ahli jawatankuasa Bahagian ini telah membuat keputusan tidak akan mengadakan mesyuaratnya. Bagaimanapun, kita sebagai parti yang bertanggungjawab,

sebagai parti yang mendukung Kerajaan, sebagai parti yang mempunyai disiplin teguh, dan parti yang diamanahkan oleh rakyat, perlulah bergerak mengikut lunas-lunas demokrasi tertentu, untuk membuktikan bahawa kita adalah sebuah parti yang benar-benar bertanggungjawab dan yang mampu memperjuangkan cita-cita rakyat, dan menegakkan konsep demokrasi itu sendiri. Oleh yang demikian, Majlis Kerja Tertinggi UMNO memutuskan supaya mesyuarat ini diadakan juga, bagi memenuhi kehendak-kehendak itu, dan bagi menebus kembali kepercayaan rakyat kepada parti kita dan kepada tokoh pemimpin disini. Dan saya berharap, sekalipun keputusan ini seolah-olah dipaksakan ke atas Saudara-saudara sekalian, tetapi saya yakin

keputusan ini dapat diterima dengan penuh semangat dan kesedaran bahawa kita dan saudara-saudara semua yang hadir ini, adalah wakil mutlak daripada ahli parti, yang mempunyai jiwa besar dan matlamat nasional, serta patuh kepada garis-garis perjuangan membela rakyat dan negara. Dengan selesainya mesyuarat pada hari ini, saya tidak syak lagi, kita akan dapat memulakan satu lambaran baru dalam sejarah UMNO, Bahagian Baling ini, disamping dapat pula memberikan khidmat, jasa dan pimpinan yang berkesan kepada rakyat.

Tuan Haji عثمان akan memaenungusikan mesyuarat ini sehingga selesai dan tamat.

19. Menganalisa latarbelakang pergolakan politik di Baling ini, khasnya mengenai keputusan pilihanraya negeri kawasan Bayu, dimana calon Barisan Nasional telah dikalahkan oleh calon Bebas, yang asalnya seorang ahli UMNO, beberapa kesimpulan boleh dapat

kita ambil, dijadikan panduan. Kelebihan undi yang agak besar, yang telah didapati oleh calon bebas sebanyak 1,822 undi, adalah satu aspek yang penting. Demikian juga, keputusan pilihanraya yang mempunyai peratusan undi yang tinggi, iaitu 77.3%, menunjukkan bahawa kesedaran politik rakyat di kawasan Baling, khasnya dalam kawasan pilihanraya Bayu, tetap ada dan sangat menggalakkan. Melihat akan kedudukan kawasan Baling, yang bukan sahaja merupakan sebuah kawasan pendalaman, tetapi berdekatan pula dengan sempadan Thailand, sudah tentu apa yang berlaku disini adalah terdedah kepada pengaruh anasir luar. Tambahan pula kawasan Baling ini pernah terkenal sebagai kawasan 'hitam' dalam masa dharurat yang lalu, dan dipekan Baling inilah juga tempat diadakan perjumpaan sejarah di-

ANTARA KERAJAAN, DIBAWAH PIMPINAN YANG TERAMAT
MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN DENGAN CHIN PENG,
SELEPAS PILIHANRAYA PERTAMA 1955.

20. SATU ASPEK LAGI, OLEH SEBAB KAWASAN INI
AGAK BERJAUHAN DAN ANGIN PERUBAHAN DAN KEMAJUAN KURANG
DITIUPKAN SEPERTI DIWILAYAH LAIN DI NEGARA KITA
INI, MAKA SUDAH SEMESTINYA RAKYAT DIKAWASAN INI
SENTIASA MELETAKKAN HARAPAN DAN KEPERCAYAAN KEPADA
TOKOH-TOKOH PARTI DAN JUGA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
DIKAWASAN INI UNTUK MEMBELA MEREKA. SEBARANG TINDAKAN
YANG TIDAK MENCERMINKAN MINAT DAN HASRAT RAAYAT,
LEBIH-LEBIH LAGI SEBARANG TINDAKAN YANG DIANGGAP
TERKELUAR DARIPADA BATASAN-BATASAN YANG BIASA,
SUDAH TENTU MENJADI PERHATIAN MEREKA, LEBIH-LEBIH
LAGI SEBAHGIAN BESAR DARI PENDUDUK-PENDUDUK DISINI
KUAT BERPEGANG KEPADA PRINSIP ISLAM DAN KEIMANAN.
DEMIKIAN JUGA, DENGAN SEBAB KAWASAN INI KURANG
MENDAPAT NIKMAT PROJEK PEMBANGUNAN, SEDANGKAN MEREKA

SENTIASA MENDENGAR MENERUSI ALAT SEBARAN AM
BAHWA PERUBAHAN DAN KEMAJUAN DIDATANGKAN
UNTUK KEMUDAHAN RAAAYAT DIKAWASAN INI. DENGAN
PERBANDINGAN ITULAH, DAN DENGAN SEBAB-SEBAB
KURANG ADANYA PERUBAHAN YANG BOLEH MEMBAWA
KEMAJUAN RAAAYAT ITU, MUNGKIN MENYEBABKAN RAAAYAT
MERASA HAMPA. HAL INI TELAH DI NYATAKAN SEBAGAI
SATU PROTEST DALAM PILIHANRAYA YANG ^{lalu} ~~LAU~~,
SEDANGKAN KITA SENDIRI MAKLUM DALAM MENGHADAPI
PILIHANRAYA YANG LALU, SOAL ALAT JENTERA PARTI
KEWANGAN PARTI DAN SOAL SOKONGAN TIDAK BERBANGKIT.
DENGAN HURAIAN DAN ANALISA INI, DAPATLAH KITA
MEMIKIRKAN SEDALAM²NYA BAHWA SEKALIPUN DENGAN
ADANYA ORGANISASI YANG TERATUR, DENGAN KEWANGAN
YANG MEMADAI, DENGAN JENTERA PARTI YANG KUAT,
KEMENANGAN MUTLAK BELUM DAPAT DIJAMIN, SELAGI
PERASAAN RAAAYAT TIDAK DIJAGA DAN KEPENTINGAN
MEREKA TIDAK DIBELA DIMASA-MASA YANG LEPAS.

SAUDARA-SAUDARA SEKALIAN,

21. DALAM MENGHADAPI MASA DEPAN, SETELAH KITA MENGAMBIL PENGAJARAN DARI MANIK-MANIK PERISTIWA YANG TELAH BERLAKU, ADALAH MUSTAHAK BAGI KITA MEMELIHARA PERPADUAN PARTI, KELURUHAN PIMPINAN DAN KEYAKINAN RAAyat KEPADA PARTI DAN PEMIMPINNYA. KEKUASAAN POLITIK YANG UJUD SEKARANG ADALAH HASIL PERJUANGAN PARTI YANG DISOKONG OLIH RAAyat. ADALAH WAJAR BAGI SETIAP KITA SUPAYA MENYEDARI DAN MEMELIHARA KEDUDUKAN INI, SUPAYA KEKUASAAN YANG ADA DALAM GENGAMAN KITA TETAP KEKAL, DENGAN IZIN ALLAH, DAN UNTUK DIPERGUNAKAN BAGI MANFAAT SEMUA GULUNGAN. KEPADA TUJUAN DAN HAKIKAT INILAH KITA SENTIASA BERUSAHA DAN BERJUANG.

SAUDARA-SAUDARA SEKALIAN,

22. SEBELUM MENUTUP PESANAN INI, INGINLAH SAYA MENGAMBIL PELUANG MENYERU SETIAP AHLI UMNO SUPAYA BERSATU DAN BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN RANCANGAN

Kerajaan, khususnya Rancangan Buku Hijau, yang sangat perlu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan kita bersama. Rancangan Buku Hijau bagi memenuhi keperluan makanan kita, sangatlah mustahak disempurnakan. Disamping itu, seperti yang disebutkan tadi, Daerah Baling ini bersempadan dengan kawasan yang diketahui tempat musuh kominis bersembunyi, rakyat hendaklah sentiasa berwaspada, memberikan kerjasama untuk mengesan gerak geri musuh yang mesti kita basmi dan hancurkan. Pujuk rayu kominis untuk membela nasib rakyat tidak lebih dari satu helah kosong yang tidak mempunyai apa-apa asas. Kerajaan memuji dan menghargai usaha penduduk yang telah memberi maklumat kepada Kerajaan ketika gerombolan kominis masuk ke Daerah ini, sewaktu peristiwa Baling memuncak dahulu.

23. Akhir kata, saudara-saudara, inginlah saya menjelaskan disini bahawa Ibu Pejabat UMNO telahpun menerima surat dari Bahagian ini, dan hal tersebut adalah dalam penyiasatan. Disamping itu saya mahu ~~supaya~~ saudara-saudara dan penduduk-penduduk di daerah ini, supaya mempertingkatkan kerjasama diantara rakyat, dan juga diantara parti dan jentera Kerajaan. Marilah kita berdoa dan mengharapkan keredaan Tuhan bahawa sebarang usaha kita untuk memberi khidmat kepada rakyat akan sentiasa dipeliharanya. Dengan harapan inilah, saya dengan sukacitanya meresmikan mesyuarat perwakilan Khas UMNO Bahagian Baling pada hari ini.

Terima kasih.

Alhaji Khatib, saudara-saudara,
 inggini saya menjabarkan di sini kepada
 anda tentang UMO, iaitu badan yang
 telah ditubuhkan ini dan hal tersebut adalah
 badan penyertaan. UMO ini adalah
 badan swasta-saudara dan berhadapan
 dengan di dalam ini, supaya mempertingkatkan
 kerjasama diantara rakyat, dan juga diantara
 parti dan antara kerajaan. Marilah kita
 berdo dan mengharapkan kepada Tuhan
 supaya dengan usaha kita untuk memberi
 khidmat kepada rakyat akan sentiasa
 dipertingkatkan. Dengan harapan
 saya dengan sukacitanya meres
 perwujudan Khas UMO Bangsa
 dari ini.



No. Siri 140

No. Penerimaan 2/79